

SUKAN MALAYSIA IX 2002

PERATURAN PERTANDINGAN PING PONG

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Permainan Ping Pong sebagaimana yang telah ditetapkan oleh **Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
 - 1.2.1 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
 - 1.2.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
- 1.3 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasas kepada undang-undang **Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF)**.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Ping Pong Sukan Malaysia IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

02 Sept hingga 07 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Dewan Serbaguna MAKSAK
Kota Kinabalu,
Sabah.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada :-

	<u>Lelaki</u>	<u>Wanita</u>
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	5 orang	5 orang
	-----	-----
Jumlah	8 orang	6 orang
	=====	=====

- 4.3 Setiap pasukan Negeri, Polis Diraja Malaysia(PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) adalah dihadkan bilangan pesertanya yang terdiri daripada :-

Berpasukan Lelaki	-	1 pasukan
Berpasukan Wanita	-	1 pasukan
Perseorangan Lelaki	-	2 pemain
Perseorangan Wanita	-	2 pemain
Bergu Lelaki	-	2 pasangan
Bergu Wanita	-	2 pasangan
Bergu Campuran	-	2 pasukan

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.

- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran pasport antarabangsa bagi setiap peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/ Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan Kad Pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang berdaftar dengan yuran sebanyak RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am 6.2 sahaja layak menyertai pertandingan ini. Jika didapati seseorang peserta telah didaftarkan oleh lebih daripada satu (1) pasukan negeri, pengesahan bertulis daripada peserta berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran pasukan yang akan disertainya itu.
- 5.4 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini. Jika seseorang peserta didapati telah didaftarkan oleh lebih dari satu (1) pasukan negeri, maka pengesahan bertulis daripada peserta berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran pasukan yang akan disertainya.
- 5.5 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.6 Peserta-peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan ATM serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana

kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.

- 5.7 Seseorang pemain kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa, dokumen pendaftaran, JPN 1/9 atau JPN 1/11 yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Acara Berpasukan Lelaki akan dijalankan mengikut **Sistem Swaythiling** terbaru seperti berikut :-

A	mIn	X
B	mIn	Y
C	mIn	Z

A	mIn	Y
B	mIn	X

- 7.2 Acara Berpasukan Wanita akan dijalankan mengikut **Sistem Swaythiling** seperti berikut :-

A	mIn	X
B	mIn	Y
C	mIn	Z

- A mln Y
- B mln X

7.3 Pertandingan Berpasukan Lelaki dan Wanita

7.3.1 Di mana penyertaannya terdiri daripada lapan (8) hingga sebelas (11) pasukan sahaja, pertandingan di peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam dua (2) kumpulan iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.

- i. Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadikan pasukan pilihan atau 'seeded'. Pasukan johan dan pasukan tempat keempat akan dimasukkan ke dalam kumpulan A, pasukan naib johan dan pasukan tempat ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan B. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.
- ii. Pemenang pertama dan pemenang kedua kumpulan A dan kumpulan B layak memasuki peringkat separuh akhir seperti berikut :-

A1 mln B2
A2 mln B1

- iii. Pemenang-pemenang di dalam perlawanan peringkat separuh akhir akan bertemu dalam perlawanan akhir bagi menentukan johan dan naib johan. Sementara pasukan yang kalah akan bermain menentukan tempat ketiga dan keempat.


7.3.2 Di mana penyertaan terdiri daripada dua belas (12) pasukan atau lebih, maka pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam empat (4) kumpulan iaitu

Kumpulan A, Kumpulan B, Kumpulan C dan Kumpulan D.

7.3.2.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir pada SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadi pasukan pilihan atau seeded. Pasukan Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A'. Pasukan Naib Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'B'. Pasukan tempat ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'C' dan pasukan tempat keempat akan mengetuai kumpulan 'D'.

7.3.2.2 Keempat-empat pasukan yang menjadi Naib Johan dalam kumpulan pada SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan diundi ke dalam kumpulan mengikut 'Modified Snake System'. 'Ranking' 4 pasukan itu akan ditentukan oleh Persatuan Ping Pong Malaysia.

7.3.2.3 Pemenang-pemenang pertama dalam kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D' adalah layak ke peringkat separuh akhir yang akan dijalankan secara kalah-mati seperti berikut :-



7.4 Semua perlawanan akan ditentukan dengan dua (2) permainan terbaik daripada tiga (3) permainan (best of three (3) games).

7.5 Pertandingan perseorangan lelaki dan wanita adalah seperti berikut :-

- 7.5.1 Semua pertandingan akan dijalankan secara kalah mati untuk menentukan johan, naib johan dan tempat ke-3. Tiap-tiap perlawanan akan ditentukan dengan dua (2) permainan terbaik daripada tiga (3) permainan (best of three (3) games) separuh akhir dan akhir di mana tiap-tiap perlawanan akan ditentukan dengan tiga (3) permainan terbaik daripada lima (5) permainan (best of five (5) games).
- 7.6 Pertandingan bergu lelaki dan bergu campuran wanita adalah seperti berikut :-
- 7.6.1 Semua pertandingan dijalankan secara kalah mati untuk menentukan Johan, Naib Johan dan tempat ke-3. Tiap-tiap perlawanan akan ditentukan dengan dua (2) permainan terbaik daripada tiga (3) permainan (Best Of Three).

8.0 PENGADIL-PENGADIL

- 8.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang (1) Pengadil bersama-sama pasukannya setelah dipersetujui oleh Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 8.2 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Ping Pong Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKMA IX, 2002.

9.0 MENARIK DIRI

- 9.1 Pasukan atau peserta yang terlewat lima belas (15) minit daripada masa yang telah dijadualkan itu, adalah dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.
- 9.2 Menarik diri (walk-over) tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, maka pasukan atau peserta yang berkenaan akan dihukum sebagai menarik diri daripada keseluruhan pertandingan.

10. BANTAHAN/TATATERTIB

- 10.1 Semua bantahan mesti dibuat oleh Pengurus Pasukan sahaja. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 tunai.
- 10.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 10.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.

11.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 11.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur mesyuarat yang digunakan oleh Persatuan Ping Pong Malaysia seperti berikut :-
 - 11.1.1 Pengarah Pertandingan / Wakil PPM
 - 11.1.2 Setiausaha Jawatankuasa Pengelola
 - 11.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tatatertib itu.
- 11.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan dari Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 11.3 Jawatankuasa Tatatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu untuk membuat sesuatu keputusan.
- 11.4 Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib Ping Pong Sukan Malaysia IX 2002 adalah muktamad.

12.0 HADIAH-HADIAH

12.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:-

	<u>EMAS</u>	<u>PERAK</u>	<u>GANGSA</u>
LELAKI			
Berpasukan	1	1	1
Perseorangan	1	1	1
Bergu	1	1	1
Bergu Campuran	1	1	1
JUMLAH	4	4	4
WANITA			
Berpasukan	1	1	1
Perseorangan	1	1	1
Bergu	1	1	1
JUMLAH	3	3	3

12.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan Oleh :-
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturan am sukma 2002-pingpong-200301/azhar